



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
*The National University
of Malaysia*

WAKATIF BAHARU UKM
**UNIVERSITI
WATAN KITA**



إسلام
hadhari
www.iiu.edu.my

HADHARI

BULETIN

INSTITUT ISLAM HADHARI / INSTITUTE OF ISLAM HADHARI



SISWAZAH HADHARI
MENYUMBANG KEILMUAN

**PERADABAN
ISLAM**



DISEMBER 2023



02

Sidang Pengarang / *Editorial Board*

02

Visi / *Vision*

02

Misi / *Mission*

03

Kata-kata Aluan Pengarah /
Welcome Remarks of Director

04

Artikel Pilihan / *Selected Artikel*

06

Pendidikan / *Education*

08

Penyelidikan / *Research*

08

Penerbitan / *Publication*

09

Kalender 2023 / *Calendar 2023*

10

Aktiviti / *Activities*

17

Jaringan / *Networking*

19

Penghargaan / *Appreciation*

Penasihat/Advisor

Fariza Md Sham

Ketua Editor/Chief Editor

Norshariani Abd Rahman

**Penolong Ketua Editor/
Assistant Chief Editor**

Siti Maheran Ismail @ Ibrahim

Editor/Editors

Muhammad Hilmi Jalil

Siti Asuha Said

Wan Muhammad Hazim Wan Mustapa

Jurugambar/Photographer

Muhammad Rusydi Baharom

Pembantu Editor/Assistant Editor

Saidatul Akma Saad

Jasmin Asyikin Mohamad Samin

Muhammad Aqil Syahmi Shahrol Azlan

Muhammad Haiqal Hassan

Buletin ini diterbitkan oleh Institut Islam Hadhari UKM dan dikeluarkan setahun sekali
This bulletin is published by Institute of Islam Hadhari UKM and issued annually

Visi/Vision

Institut bertekad untuk Menjadi Pusat Kecemerlangan Muktabar dalam Pembangunan Peradaban Islam Sejagat
This Institute Aims to Become a Centre of Excellence in the Development of Islamic Civilization Globally

Misi/Mission

Menerajui Pendekatan Peradaban Islam Melalui Kegiatan Ilmiah
Leading Islamic Civilizational Approach Through Scientific Activities

Cetakan Pertama, Mei 2024

First Printing, May 2024

KATA-KATA ALUAN PENGARAH

Welcome Remarks of Director



Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah atas penerbitan Buletin Hadhari 2023. Pada tahun 2023 Institut Islam Hadhari (HADHARI) telah melaksanakan pelbagai program untuk memperkasa pelajar siswazah daripada aspek mengembangkan potensi diri di peringkat antarabangsa. Antaranya seorang pelajar sarjana iaitu Saudara Hifdzi Zaim Bin Zamri telah mengikuti Program *Australian-Asean Muslim Exchange Program (AAMEP)* dan Kursus Bahasa Arab di Pusat Bahasa, Universiti Kuwait.

Pada tahun 2023, HADHARI memperluas kerjasama akademik bagi membantu pelajar untuk turut serta dalam seminar yang dianjurkan secara bersama melalui jaringan antarabangsa. Dua memorandum persefahaman (MoU) telah ditandatangani iaitu bersama Imam Termizi *International Scientific-Research Center*, Uzbekistan dan Institut Dirosat Islamiyah Al-Amien Prenduan, Indonesia.

Bagi menyokong pengajian dan penyelidikan siswazah serta meningkatkan kemahiran pelajar dan pensyarah, pelbagai bengkel, taklimat, sesi perkongsian, wacana dan forum yang berkaitan pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan pengetahuan isu semasa telah dianjurkan oleh HADHARI, UKM. HADHARI juga telah memberi peluang kepada pelajar siswazah untuk membentangkan hasil penyelidikan mereka dalam Kolokium Siswazah yang diadakan pada setiap tahun dan seminar yang dianjurkan. Antara seminar yang dianjurkan pada tahun 2023 yang melibatkan penyertaan daripada pelajar siswazah HADHARI ialah *29th International Sustainable Development Research Society (ISDRS)*, *6th International Seminar on Islamic Civilization* dan *Seminar on Scholars of Islamic Civilization (SSIC)*.

Di samping itu, dana penyelidikan yang diterima oleh Felo Hadhari dapat menampung pengajian siswazah melalui tawaran sebagai Pembantu Penyelidik. Melalui ini dapat membantu pelajar daripada segi kewangan di samping kemahiran penyelidikan. Selain itu, HADHARI juga menyokong penerbitan hasil penyelidikan siswazah bersama penyelia melalui Jurnal Hadhari. Persatuan siswazah yang dikenali sebagai Nadi Hadhari juga diperkasakan bagi memberi peluang kepada siswazah dalam mengembangkan potensi mereka dalam pendidikan, penyelidikan, kepekaan sosial serta kolaborasi. Kecemerlangan pelajar siswazah juga diraikan pada majlis Pengiktirafan Penyelia dan Apresiasi Pelajar sempena Konvokesyen UKM pada setiap tahun.

Akhir kata, semoga pelajar siswazah dan seluruh warga HADHARI terus kompeten serta menyumbang keilmuan dalam membangunkan peradaban Islam di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Saya akhiri dengan serangkap pantun.

←—————→

*Bintang dilangit nampak berkelip,
Menyinari alam di waktu malam,
Siswazah Hadhari terus gemerlap,
Menyumbang keilmuan peradaban Islam.*

←—————→

Terima kasih

Prof. Dato' Dr. Fariza Md. Sham, FASc
Pengarah Institut Islam Hadhari (Islamic Civilization), UKM

JEJAK WARISAN Sheikh Abdullah Fahim



Program “Jejak Warisan Sheikh Abdullah Fahim” telah diadakan pada 17 sehingga 20 Ogos 2023 bagi menjejaki sumbangan Sheikh Abdullah Fahim dalam perkembangan ilmu Peradaban dan mewujudkan interaksi antara waris keluarga Sheikh Abdullah Fahim dan warga HADHARI, UKM. Program ini telah diadakan di Sekolah Menengah Agama Daeratul Maarifil Wataniah, Kepala Batas dan Masjid Abdullah Fahim, Bertam, Pulau Pinang.

Program ini mengungkap perjalanan hidup dan sumbangan yang luar biasa daripada seorang cendekiawan Islam terkemuka, Sheikh Abdullah Fahim. Beliau dilahirkan pada tahun 1869 di Pulau Pinang dan menjadi seorang ahli falak dan ulama yang dihormati. Kepakaran beliau dalam ilmu agama dan falak serta pengaruhnya dalam bidang pendidikan dan politik Islam terkenal luas.

Setelah menerima pendidikan di Makkah di bawah bimbingan ayahnya, Sheikh Abdullah Fahim kembali ke Tanah Melayu untuk mengajar dan memberikan sumbangan penting dalam pengembangan ilmu pengetahuan agama Islam. Beliau mempelajari lebih daripada 45 orang guru terkemuka, khususnya dalam ilmu falak dan sastera Arab.

Selain sebagai pemimpin keilmuan, Sheikh Abdullah Fahim turut aktif dalam gerakan kemerdekaan Malaysia, memberikan nasihat dan sokongan kepada pemimpin untuk menentang penjajahan Inggeris. Peranan penting Sheikh Abdullah Fahim juga terlihat dalam menetapkan tarikh kemerdekaan Malaysia, di mana keahliannya dalam ilmu falak membantu Tunku Abdul Rahman menentukan tarikh yang sesuai untuk pengisytiharan kemerdekaan.

Warisan beliau tidak hanya berakhir pada masa hidupnya; melalui Kursi Sheikh Abdullah Fahim yang ditubuhkan di HADHARI, pengajaran dan penyelidikan berkaitan peradaban Islam terus dilakukan untuk mengilhami generasi masa kini dan akan datang. Dengan itu, sumbangan beliau sebagai seorang ulama dan pejuang kemerdekaan terus hidup dalam sejarah dan semangat negara. Ekoran program ini, dokumentari “Jejak Warisan Sheikh Abdullah Fahim” telah dihasilkan bertujuan untuk berkongsi tentang sumbangan Sheikh Abdullah Fahim dalam Peradaban Islam.



SISWAZAH DI PERSADA ANTARABANGSA

Hifdzi Zaim Zamri



Program Australian-Asean Muslim Exchange Program (AAMEP)

Pada 12 sehingga 21 Jun 2023, saya telah dipilih oleh kerajaan Australia melalui AAMEP untuk mengikuti program di sana. Negara-negara Asia yang terlibat ialah Malaysia, Brunei, Thailand dan Filipina. Setiap negara hanya dipilih dua orang daripada ratusan permohonan. Mereka mencari calon yang mempunyai sumbangan dan projek yang sedang dijalankan di negara masing-masing untuk membina rangkaian dan kerjasama bersama projek-projek yang diusahakan oleh komuniti Islam di Australia.



Saya dipilih disebabkan oleh projek kemasyarakatan yang saya sedang lakukan di Malaysia mengenai projek pembangunan pemuda melalui syarikat yang saya asaskan iaitu *Youth Quranic Circle* (YQC) serta kempen baca, faham dan amal Al-Quran melalui Yayasan Warisan Ummah Ikhlas.

Sedikit sebanyak saya juga berkongsi dan bercerita mengenai HADHARI kepada mereka di sana dan skop kajian di HADHARI. Sepanjang 10 hari berada di Melbourne dan Sydney, kami dibawa berjumpa dengan tokoh-tokoh dan persatuan-persatuan Muslim di Australia di samping mengenali keunikan dan kepelbagaian budaya, agama serta kaum di Australia.

Program AAMEP telah membantu saya untuk meluaskan jaringan bersama insan-insan hebat di sekitar Asia dan Australia serta membuka skop fikiran pengislaman tamadun Islam yang bukan terhad pada negara Malaysia tetapi di rantau Asia.

Kursus Bahasa Arab di Pusat Bahasa, Universiti Kuwait

Bermula pada September 2023 sehingga Julai 2024 saya mengikuti kursus bahasa Arab di *Kuwait University* selama 2 semester penuh dan 1 semester pendek. Saya dipilih oleh kedutaan Malaysia di Kuwait daripada ratusan permohonan untuk mengikuti kursus ini. Mereka yang terpilih untuk kursus ini berdasarkan kepada kesungguhan dan minat yang tinggi untuk belajar bahasa Arab.

Tujuan saya mengikuti kursus ini ialah supaya saya dapat memantapkan kemahiran dan penguasaan dalam bahasa Arab agar saya lebih mahir dalam mengkaji bidang Peradaban Islam bersumberkan bahasa Arab. Saya telah dinilai untuk mengikuti kelas tahap kedua dan setiap hari melalui kelas dengan 3 jam unit kredit dalam satu semester. Setiap hari kami dilatih untuk bercakap, mendengar, menulis dan membaca dalam bahasa Arab dalam pelbagai topik khususnya dalam mengenali budaya serta agama di semenanjung negara-negara Arab. Pada masa yang sama, saya juga berkesempatan untuk mengenal dengan ramai kawan-kawan baru dari seluruh dunia termasuklah dari benua Eropah, Asia dan Afrika.

Diharapkan sepanjang kursus ini, saya mampu untuk menguasai bahasa Arab yang membolehkan saya melakukan kajian-kajian dari sumber bahasa Arab dan juga boleh menutur dalam bahasa Arab bersama pengkaji-pengkaji di rantau benua timur tengah.





Taklimat Pelajar Baharu Semester 2

Sesi Akademik 2022/2023 dan Semester 1 Sesi Akademik 2023/2024
Muhammad Hilmi Jalil & Jasmin Asyikin Mohamad Samin

AKTIVITI SISWAZAH



Sempena pendaftaran dan kemasukan pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah di HADHARI, sesi taklimat pelajar baharu semester 2 sesi akademik 2022/2023 telah diadakan pada 22 Mac 2023 secara hibrid (Aplikasi Zoom dan Ruang Siswazah HADHARI). Taklimat ini disampaikan oleh Dr. Muhammad Hilmi Jalil, Penyelaras Siswazah, HADHARI. Dalam sesi taklimat ini, pelajar yang baharu mendaftar di HADHARI diberi taklimat berkaitan tanggungjawab sebagai penyelidik siswazah serta kemudahan yang boleh digunakan sepanjang pengajian di HADHARI, UKM.



Bagi pelajar baharu yang mendaftar pada semester 1 sesi akademik 2023/2024, HADHARI telah memberikan taklimat kepada mereka pada 3 Oktober 2023, secara hibrid melalui aplikasi Zoom dan bertempat di Ruang Siswazah, HADHARI. Sehingga kini, pelajar siswazah Hadhari berjumlah 128 orang yang berperanan sebagai penyelidik peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Pelajar HADHARI terdiri daripada pelajar tempatan dan antarabangsa.



Majlis Pengiktirafan Penyelia & Apresiasi Graduan

Muhammad Hilmi Jalil



Bagi mengiktiraf jasa semua penyelia yang telah membimbing graduan sehingga selesai menyempurnakan penyelidikan dan menamatkan pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah, dari HADHARI, Majlis pengiktirafan penyelia & apresiasi graduan HADHARI, UKM telah diadakan pada 24 November 2023, bertempat di Ruang Siswazah, HADHARI, UKM. Majlis ini juga turut meraikan semua graduan yang akan dianugerahkan ijazah masing-masing dalam majlis konvokesyen UKM tahun ini.



Bengkel Siswazah "Jalan Menuju Graduate on Time (GOT)"

Muhammad Hilmi Jalil

Graduate on Time (GOT) menjadi sasaran kepada pelajar siswazah di HADHARI. Sebolehnya pelajar akan berusaha untuk menamatkan pengajian mereka dalam tempoh pengajian seperti mana yang ditetapkan dalam peraturan UKM. Oleh yang demikian, pada 23 November 2023, HADHARI telah menganjurkan bengkel siswazah bertajuk "Jalan Menuju GOT". Bengkel ini disampaikan dan dikendalikan oleh Timbalan Pengarah, HADHARI, Prof. Madya Ir. Dr. Nazrul Anuar Nayan. Beliau banyak berkongsi tips dan langkah-langkah yang boleh dijadikan panduan oleh pelajar serta penyelia untuk melahirkan graduan GOT.



Kolokium Siswazah telah diadakan pada 27 September 2023. Penganjuran kolokium ini adalah salah satu usaha HADHARI dengan matlamat untuk memantau prestasi penyelidikan pelajar siswazah di samping membantu mereka menghasilkan pembentangan seminar, penulisan artikel jurnal dan memenuhi syarat pembentangan hasil penyelidikan bagi tujuan bergraduasi. Kolokium pada tahun ini telah disertai oleh sepuluh (10) orang pelajar siswazah dari dalam dan luar negara dengan pembentangan hasil kajian mereka. Wadah perbincangan ilmiah ini adalah dengan kerjasama NADI Hadhari sebagai penganjur bersama dengan

Kolokium Siswazah

Noor Hayati Ahmad Rasol

skop perbincangan dalam tujahan Politik & Kepimpinan, Sosio-budaya, Ekonomi, Pengurusan & Perniagaan dan Sains & Teknologi, Alam Sekitar dan Kesihatan. Seramai tiga (3) pembentang terbaik juga telah terpilih pada kolokium ini iaitu; Khalid Khalfan Muslem Salim Al Maamari (P116423), Zuriani Binti Ibrahim (P104800), dan Encik Muhammad Alif Fitri Abdul Halim (P112762).



Pertemuan pelajar Hadhari dengan pelajar IDIA

Muhammad Hilmi Jalil

Pada 6 Oktober 2023, HADHARI telah menerima lawatan dari *International Undergraduated Program (IUP)* Institut Dirosat Islamiyah Al-Amien (IDIA) Prenduan, Indonesia yang diketuai oleh Dr. Mohammad Fattah, Dekan Fakultas Dakwah dan Ushuluddin diiringi seramai 26 orang pelajar Sarjana Muda. Bersempena lawatan ini turut diadakan sesi dialog antara pelajar HADHARI UKM dan IUP IDIA. Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati dan sedikit jamuan.

KELULUSAN

GERAN PENYELIDIKAN BAHARU TAHUN 2023

Pencapaian pendanaan geran projek penyelidikan terus menunjukkan peningkatan pada tahun 2023. Pada tahun ini, HADHARI buat julung kalinya berjaya memperoleh Geran Translasi UKM (TR-UKM) sebanyak RM70,640.00 bagi menjalankan projek penyelidikan yang bertajuk Pembangunan Garis Panduan Pelaksanaan Program Agama Penjara bagi Banduan Muslim. Projek penyelidikan ini diketuai oleh Dr. Muhammad Hilmi Jalil. Selain itu, Dr. Norshariani Abd Rahman telah berjaya memperolehi dana penyelidikan daripada Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) sebanyak RM79,340.00 dan menjadi pendanaan geran penyelidikan tertinggi pada tahun 2023. Geran Kursi Sheikh Abdullah Fahim di bawah kategori Dana Dalaman telah meluluskan tiga (3) projek penyelidikan yang dua (2) daripadanya bernilai RM30,000.00 kepada Dr. Muhammad Hilmi Jalil dan Dr. Norshariani Abd Rahman. Manakala satu (1) projek penyelidikan yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Mohd Al Adib Samuri adalah berjumlah RM29,000.00. Jumlah keseluruhan pendanaan geran projek penyelidikan pada tahun 2023 adalah sebanyak RM238,980.00.

| Kategori Geran/ Dana | Bilangan Projek/ Dana Penyelidikan | Jumlah Peruntukan (RM) |
|---------------------------|------------------------------------|------------------------|
| Dana Dalam | 4 | 159,640.00 |
| Dana Luar (Kebangsaan) | 1 | 79,340.00 |
| Jumlah Keseluruhan | 5 | 238,980.00 |

Pencapaian dalam penerbitan makalah jurnal terindeks pada tahun 2022, meningkatkan perolehan bagi Dana Pecutan Penerbitan bagi tahun 2023 sebanyak RM33,500.00. Felo HADHARI juga telah memperoleh Ganjaran Penerbitan atas pencapaian penerbitan makalah dalam jurnal *Quartile*, iaitu Prof. Dr. Latifah Amin sebanyak RM20,000.00 dan Dr. Norshariani Abd Rahman sebanyak RM11,000.00. HADHARI juga telah berjaya memperolehi Dana Penerbitan Buku (DPB) sebanyak RM15,000.00

| Kategori Dana | Bilangan Dana Penyelidikan | Jumlah Peruntukan (RM) |
|---------------------------|----------------------------|------------------------|
| Dana Penerbitan Buku | 3 | 15,000.00 |
| Dana Pecutan Penerbitan | 1 | 33,500.00 |
| Ganjaran Penerbitan | 2 | 31,000.00 |
| Jumlah Keseluruhan | 6 | 79,500.00 |

Pencapaian Felo HADHARI menerbitkan buku, bab dalam buku, makalah jurnal berindeks dan makalah jurnal berimpak tinggi terus meningkat pada tahun 2023. Peningkatan menerbitkan makalah dalam jurnal berindeks WoS/SCOPUS/ERA/MyCite meningkat kepada 94 makalah. Kesarjanaan dan kepakaran warga HADHARI terus terserlah di peringkat kebangsaan dalam penglibatan memberikan input dan menghasilkan kertas dasar/polisi bersama pihak pemegang taruh. Di samping itu, penghasilan penulisan dalam lain-lain penerbitan juga telah menyumbang kepada pencapaian penerbitan HADHARI.

| Jenis Penerbitan | Bilangan |
|--|--|
| Jurnal Berindeks WOS/ SCOPUS/ERA/ MyCite | 94 Makalah <i>Jurnal Quartile 1 (Q1): 6</i> <i>Jurnal Quartile 2 (Q2): 6</i> <i>Jurnal Quartile 3 (Q3): 1</i> |
| Kertas Dasar/ Polisi | 2 |
| Buku | 10 |
| Bab Dalam Buku | 15 |
| Jurnal Lain-lain Indeks dan Jurnal Tidak Berindeks | 16 |
| Prosiding / Pascasidang | 8 |
| Laporan Penyelidikan | 7 |
| Bahan Seminar / Persidangan | 21 |
| Penulisan Popular Dalam Bidang | 7 |
| Bahan Pengajaran / Penyebaran Ilmu | 46 |
| Wawancara Akhbar / Majalah | 18 |
| Wawancara TV / Radio | 29 |
| Lain-lain | 4 |
| Jumlah | 277 |



JURNAL HADHARI: AN INTERNATIONAL JOURNAL

Siti Ansha Said

Call For Submission

Jurnal Hadhari: An International Journal (ISSN: 1985-6830/ eISSN 2550-2271) is a refereed and indexed journal published by UKM Press, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) and Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM). The journal focuses on topics related to Islamic Civilization, including social cultural studies, history, philosophy, ethics, leadership, politics, media, economics, management, science & technology, health and environmental studies.

At present, Jurnal Hadhari: An International Journal is indexed in Ulrich, Google Scholar, Malaysian Citation Centre (MCC) & MyCite.

Submit your best paper to Jurnal Hadhari: An International Journal for publication in the upcoming issue of the journal via the online submission system at:

<http://ejournals.ukm.my/jhadhari/about/submissions#onlineSubmissions>. Beginning in 2021, articles written in English will be given the highest priority for publication

For further information, please visit the following website: ejournals.ukm.my/jhadhari

CALENDAR 2023 | Calendar 2023

Nurul Syahada Din & Muhammad Aqil Syahmi Shahrol Azlan

| | | |
|---|--|---|
| <p>5 Januari 2023 Forum HADHARI Bil. 1/2023 "Bencana Alam: Punca Dan Solusi"</p> | <p>12 Januari 2023 Program Riadah Mendaki Bukit Melati Nilai, Negeri Sembilan</p> | <p>30 Januari 2023 Majlis Kunjungan Rasmi Delegasi Samarkand, Uzbekistan Ke Universiti Kebangsaan Malaysia</p> |
| <p>9 Februari 2023 Wacana HADHARI Bil. 1/2023 "DNA: Keajaiban Ciptaan Allah"</p> | <p>15 Februari 2023 Bengkel Permohonan Dana Penerbitan Buku (DPB) Tahun 2023</p> | <p>23 Februari 2023 Sesi Perkongsian Panduan Penulisan Dasar Awam Yang Mantap</p> |
| <p>24 Februari 2023 Klinik Penulisan & Penerbitan Makalah Jurnal Berimpak Tinggi</p> | <p>28 Februari 2023 Lawatan Rasmi <i>Center of Islamic Civilization Uzbekistan</i> dan Majlis Menandatangani Lanjutan Memorandum Persefahaman Antara Universiti Kebangsaan Malaysia dan Institut Dirosat Islamiyah Al-Amien Prenduan, Indonesia</p> | <p>15 Mac 2023 Bengkel Penilaian Permohonan Geran Penyelidikan Kursi Sheikh Abdullah Fahim Tahun 2023</p> |
| <p>18 Mac 2023 6th <i>International Seminar on Islamic Civilization (ISIC 2023)</i></p> | <p>21 Mac 2023 Bengkel Kesedaran Perlindungan Harta Intelek</p> | <p>22 Mac 2023 Taklimat Pelajar Baharu Bagi Semester 2 Sesi Akademik 2022/2023</p> |
| <p>31 Mac 2023 Klinik Penulisan & Penerbitan Makalah Jurnal Berimpak Tinggi (Siri 2)</p> | <p>11 Mei 2023 Hari Anugerah Kualiti Institut Islam Hadhari 2023</p> | <p>16 Mei 2023 Forum HADHARI Bil. 2/2023 "Madani Dan Hadhari: Kerangka Pembinaan Peradaban Islam"</p> |
| <p>22 Mei 2023 Bengkel Pembentangan & Penilaian Permohonan Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM) & Geran Universiti Penyelidikan (GUP) Tahun 2023</p> | <p>24 Mei 2023 3rd <i>Seminar on Scholars of Islamic Civilization (SSIC 2023)</i></p> | <p>29 Mei 2023 Klinik Penulisan & Penerbitan Makalah Jurnal Berimpak Tinggi (Siri 3)</p> |
| <p>30 dan 31 Mei 2023 Program Pengaturcaraan Robotik Al-Jazari @ Hadhari</p> | <p>14 Jun 2023 Bengkel <i>Systematic Literature Review</i></p> | <p>22 Jun 2023 Wacana HADHARI Bil. 2/2023 "Aidiladha dan Manifestasi Pengorbanan Nabi Ibrahim A.S</p> |
| <p>23 Jun 2023 Klinik Penulisan & Penerbitan Makalah Jurnal Berimpak Tinggi (Siri 4)</p> | <p>11 Julai 2023 Seminar <i>International Sustainable Development Research Society (ISDRS)</i></p> | <p>18 Julai 2023 Sesi Perkongsian: Panduan Penulisan Dasar Awam</p> |
| <p>20 Julai 2023 Wacana HADHARI Bil. 3/2023: "4 IN 1 IN PARENTING"</p> | <p>26 Julai 2023 Forum HADHARI Bil.3 2023 "Pengubahsuaian Genetik: Aspek Sainifik, Etika dan Hukum"</p> | <p>27 Julai 2023 Bengkel Bank Proposal Geran Penyelidikan (Antarabangsa)</p> |
| <p>31 Julai 2023 Klinik Penulisan & Penerbitan Makalah Jurnal Berimpak Tinggi (Siri 5)</p> | <p>8 Ogos 2023 Perjumpaan Kakitangan dan Program Riadah HADHARI di Taman Botani, Putrajaya</p> | <p>17 Ogos 2023 Jejak Warisan Sheikh Abdullah Fahim</p> |
| <p>22 Ogos 2023 Wacana HADHARI Bil. 4/2023: Kegemilangan Islam Merentas Zaman</p> | <p>14 September 2023 Forum Bicara Merdeka dan Wacana Hadhari 5 12023: "Muhammad the Ultimate Leader"</p> | <p>20 September 2023 Sesi Perkongsian: "Being A Fulbrighter: Experiences of Malaysian and USA Scholars"</p> |
| <p>21 September 2023 Syarahan Professor Kehormat Institut Islam Hadhari "Dakwah Santai dalam Penulisan Kreatif"</p> | <p>26 September 2023 Majlis Menandatangani Memorandum Persafahaman (MoU) antara UKM dan <i>Imam Termizi International Scientific-Research Center, Uzbekistan</i></p> | <p>29 September 2023 Majlis Lawatan Sekolah Menengah Agama Daerahul Maarifl Wataniah 1 (SMA DMW1) Ke HADHARI, Universiti Kebangsaan Malaysia</p> |
| <p>3 Oktober 2023 Taklimat Pelajar Baharu Bagi Semester 1 Sesi Akademik 2023/2024</p> | <p>6 Oktober 2023 Majlis Lawatan <i>International Undergraduated Program (IUP)</i> Institut Dirosat Islamiyah Al-Amien Prenduan, Indonesia Ke HADHARI, Universiti Kebangsaan Malaysia</p> | <p>25 Oktober 2023 Wacana HADHARI 6/2023 "Manusiawi Madani"</p> |
| <p>27 Oktober 2023 Majlis Lawatan Rasmi Delegasi <i>Asean University International (AUI)</i> Indonesia ke HADHARI</p> | <p>31 Oktober 2023 Bengkel Pemantauan Projek Penyelidikan Geran Kursi Sheikh Abdullah Fahim</p> | <p>16 November 2023 Wacana HADHARI 7/2023 "Masyarakat Madani: Penjelmaan Sebuah Idealisme Peradaban Bangsa"</p> |
| <p>20 November 2023 Bengkel Penilaian dan Pemurnian FRGS 2024</p> | <p>23 November 2023 Bengkel Siswazah "Jalan Menuju Graduate on Time (GOT)"</p> | <p>24 November 2023 Majlis Pengiktirafan Penyelesaian & Apresiasi Graduan HADHARI 2023</p> |
| <p>30 November 2023 Bengkel Program <i>Virtual Summer School 3.0 2024</i></p> | <p>4 Disember 2023 Bengkel Penulisan & Penerbitan Makalah Jurnal Berimpak Tinggi</p> | <p>6 Disember 2023 Kunjungan dari Delegasi <i>International Islamic Academy of Uzbekistan</i></p> |
| <p>8 Disember 2023 Program Pengukuhan Penghargaan Kendiri Anak Asnaf di Negeri Pahang</p> | <p>16 Disember 2023 Seminar Malaysia Madani: Perspektif Maqasid Syariah</p> | <p>21 Disember 2023 Wacana HADHARI 8/2023: "Memfaatkan Analitik Data Raya dalam Penjagaan Kesihatan"</p> |

Hari Anugerah Kualiti

Norshariani Abd Rahman

HARI ANUGERAH KUALITI 2023

Hari Anugerah Kualiti, Institut Islam Hadhari telah diadakan pada 11 Mei 2023 bagi menghargai sumbangan dan pencapaian warga HADHARI yang cemerlang pada tahun 2022. Terdapat 6 kategori anugerah penyelidikan dan penerbitan yang diberikan kepada felo iaitu:

1. Anugerah kecemerlangan Pendanaan Geran Penyelidikan

- Cik Zubaidah Mohd Nasir

2. Anugerah Makalah Jurnal Terbaik

- Dr. Norshariani Abd Rahman

3. Anugerah Buku Terbaik

- Dr. Mohamed Hamdan Abdullah, Prof. Dato' Dr. Fariza Md Sham, FASc & Prof. Madya Dr. A'dawiyah Ismail

4. Anugerah Makalah *Quartile* terbanyak

- Prof. Ir. Dr. Ahmad Ashrif A. Bakar

5. Anugerah Penyelidik Harapan

- Ts. Dr. Farah Ayuni Mohd Hatta

6. Anugerah Harta Intelekt

- Dr. Norshariani Abd Rahman

Tahniah kepada semua penerima anugerah. Semoga dengan anugerah-anugerah yang diberikan memberi motivasi kepada seluruh warga HADHARI dalam melonjakkan pencapaian HADHARI di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



Lawatan Delegasi ke Hadhari

Wan Muhammad Hazim Wan Mustapa
& Muhammad Aqil Syahmi Shahrol Azlan

Center of Islamic Civilization Uzbekistan

Pada 28 Februari 2023, HADHARI telah menerima lawatan rasmi daripada Delegasi *Center of Islamic Civilization in Uzbekistan*. Delegasi diketuai oleh Mr. Firdavs Halimov, Timbalan Pengarah *Center of Islamic Civilization in Uzbekistan* bersama Mr. Saidkomil Kholxujayev (*Head of International Relations and Protocol Division*), Mr. Islomiddin Sirojiddinov (*Chief Specialist of International Relations and Protocol Divisions*), dan juga Mr. Sherzod Sultonov (*Chief Specialist of New Services and Promotion*). Lawatan ini telah berjaya mengukuhkan lagi hubungan dan kerjasama di antara kedua-dua buah negara. Antara yang dibincangkan adalah aktiviti-aktiviti akademik dan penyelidikan pada masa akan datang termasuklah penganjuran bersama persidangan antarabangsa.



Delegasi Asean University International (AUI) Indonesia



Pada 27 Oktober 2023, HADHARI yang diketuai oleh Prof. Dato' Dr. Fariza Md. Sham, FASc, selaku Pengarah ditemani Felo Penyelidik dan Pegawai serta

wakil daripada UKMShape, Dr. Rosnah Mohd. Sham sangat berbesar hati menerima lawatan rasmi daripada *Asean University International (AUI)* Indonesia.

Lawatan rasmi ini diketuai oleh Prof. Dr. Suhendar, SE, SH, LLM, Presiden, *Asean University International (AUI)* Indonesia, diiringi Prof. Dr. Mohd. Zamri Jaafar, Pengarah, AUI, Indonesia, Dr. Ali Saman Hasan, Pengarah, AUI, Indonesia, Prof. Dr. Ahamd Humaedi, Dikti, Kementerian Pendidikan, Kebudayaan, Penyelidikan dan Teknologi Indonesia dan seorang pegawai.

Perbincangan ini sangat bermakna bagi kedua-dua belah pihak dan kami berharap agar perhubungan jaringan antarabangsa ini dapat diertakan lagi dengan penganjuran program bersama pada masa hadapan.



Lawatan dari *International Islamic Academy of Uzbekistan (IIAU)*, Uzbekistan



UKM Global bersama HADHARI telah menerima lawatan delegasi rasmi dari *International Islamic Academy of Uzbekistan (IIAU)* yang telah berlangsung pada 6 Disember 2023.

Turut hadir bersama dalam delegasi tersebut adalah Dr. Uygun Gafurov, Rektor, Akademi Islam Antarabangsa Uzbekistan (IIAU), Prof. Madya Dr. Durbek Rakhimdjano, Pengerusi Tamadun Islam dan Pengajian Islam ICESCO, IIAU dan juga Dr. Ilhom Berdiyarov, Ketua Jabatan Jaminan Kualiti, IIAU dan rakan-rakan IIAU.

Lawatan delegasi ini disambut oleh Prof. Dato' Dr. Fariza Md. Sham, FASc, Pengarah HADHARI dan juga Profesor Madya Dr. Abdul Latiff Ahmad, Pengarah UKM Global. Seterusnya, Delegasi telah mengadakan lawatan pendidikan singkat ke Galeri UKM di Aras 6, Bangunan Canselori sebelum dijemput untuk makan tengah hari bersama.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Prof. Dato' ChM Dr. Mohammad Bin Kassim, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa) UKM diikuti dengan ucapan pengenalan oleh Dr. Uygun Gafurov. Sesi perbincangan berakhir, dengan pembentangan yang disampaikan oleh Dr. Ilhom Berdiyarov bertajuk "Potensi Pelancongan Ziyarah di Uzbekistan" dan Prof. Madya Dr. Durbek Rakhimdjano bertajuk "Koleksi Manuskrip di Uzbekistan". Sesi berakhir dengan pertukaran cenderahati antara kedua pihak. Diharapkan dengan kerjasama sebegini sedikit sebanyak dapat menyumbang ilmu dan idea dalam meningkatkan kualiti penyelidikan di masa hadapan.





Sangkutan Guru Bahasa Melayu TSUOS, Uzbekistan

HADHARI berbesar hati menyantuni Cik Toshpulatova Zarnigor, Guru Bahasa Melayu dari *Tashkent State University of Oriental Studies (TSUOS)*, Uzbekistan.

Melalui kerjasama MoU antara HADHARI dan TSUOS, Puan Zarnigor telah dihantar untuk menghadiri Kursus Intensif Keterampilan Bahasa Melayu selama 2 minggu di Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA) UKM. Semoga kunjungannya memberi manfaat dan mempererat lagi hubungan antara kedua institusi.



Lawatan Sekolah Menengah Agama Daeratul Ma'arifil Wataniah 1 (SMA DMW1)



Institut Islam Hadhari, UKM telah menerima kunjungan seramai 60 orang guru diketuai oleh Encik Mohd Nor Azli Bin Salleh, Pengetua Sekolah Menengah Agama Daeratul Maarifil Wataniah 1 (SMA DMW1) pada 29 September 2023, bertempat di Bilik Senat, Aras 5, Bangunan Canselori, UKM. Majlis ini dimulakan dengan sesi perkongsian "Motivasi Kepada Guru Madani" oleh Prof. Madya Ir. Dr. Nazrul Anuar Nayan, Timbalan Pengarah Institut Islam Hadhari, UKM dan lawatan ke Muzium serta Galeri UKM.

Kunjungan ini mengukuhkan lagi hubungan strategik antara HADHARI dan SMA DMW1 terutama dalam menjejaki warisan Sheikh Abdullah Fahim di Pulau Pinang.

Lawatan Delegasi Samarkand Uzbekistan

Pada 30 Januari 2023, HADHARI telah menerima lawatan rasmi delegasi Timbalan Gabenor Wilayah Samarkand, Uzbekistan yang diadakan di Bilik Seminar Aras 5 Bangunan Canselori UKM. Banyak perkara yang penting telah dibincangkan dalam pertemuan ini dan diharapkan semoga lawatan delegasi ini membawa kepada kerjasama yang lebih baik serta mengukuhkan hubungan sesama pihak.



SEMINAR | Seminar
Siti Asuha Said

29th International Sustainable Development Research Society (ISDRS)

29th International Sustainable Development Research Society (ISDRS) 2023, merupakan anjuran bersama Institut Islam Hadhari, UKM; Institut Kajian Malaysia & Antarabangsa (IKMAS), UKM; UKM-Graduate School of Business (UKM-GSB); Pusat IDEA-UKM; Institut Informatik Visual (IVI), UKM; Institut Sel Fuel (SELFUEL), UKM; Institut Perubahan Iklim (IPI), UKM; dan Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA), UKM telah diadakan pada 11-13 Julai 2023 secara hibrid.



International Seminar on Islamic Civilization (ISIC)

6th International Seminar on Islamic Civilization (ISIC 2023), anjuran HADHARI dengan kerjasama Department of Arabic Language and Culture, National Chengchi University, Taiwan; Fakulti Pengajian Islam, UKM; dan Pusat Citra Universiti (CITRA

UKM), UKM telah diadakan pada 18 Mac 2023 secara dalam talian aplikasi Google Meet & Hibrid (HADHARI).



Seminar on Scholars of Islamic Civilization (SSIC)

3rd Seminar on Scholars of Islamic Civilization (2023), anjuran HADHARI dengan kerjasama Kursi Sheikh Abdullah Fahim, Institut Islam Hadhari, UKM; Embassy of the Republic of Uzbekistan in Malaysia; International Islamic Academy of Uzbekistan; Center for Islamic Civilization in Uzbekistan; Imam Bukhari International Scientific Research Center; dan Tashkent State University of Oriental Studies telah diadakan pada 24 & 25 Mei 2023 secara dalam talian aplikasi Zoom & Hibrid (UKM).



Seminar Malaysia Madani : Perspektif Maqasid Syariah

Seminar Malaysia Madani: Perspektif Maqasid Syariah, merupakan anjuran bersama HADHARI, UKM; Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM); Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM); Akademi Ibnu Abbas; Akademi Nunji; dan Yayasan Canselor, UKM telah diadakan pada 16 Disember 2023 bertempat di Dewan Kuliah (DK 43.101), Kompleks Tun Abdullah Mohd Salleh, UKM.



Syarah Profesor Kehormat Institut Islam Hadhari

Pada 21 September 2023, HADHARI telah menganjurkan Syarahan Profesor Kehormat bertajuk "Dakwah Santai dalam Penulisan Kreatif". Syarahan ini disampaikan oleh Prof. Dr. Siti Rugayah Hj. Tibek, Profesor Kehormat, Institut Islam Hadhari, UKM. Moderator bagi syarahan ini adalah Dr. Mohd Hafiz Bin Safiai, Felo Bersekutu, Institut Islam Hadhari, UKM.

Syarahan SHEIKH ABDULLAH FAHIM KE 3



Pada 20 Ogos 2023 (3 Safar 1445H), Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak merasmikan Majlis Syarahan Sheikh Abdullah Fahim di Bertam Resort, Penang.

Majlis ini diadakan sebagai penghormatan kepada Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim, tokoh ulama tersohor dari Kepala Batas yang telah memberi sumbangan besar dalam bidang falak, keilmuan dan politik yang membawa impak yang besar kepada masyarakat dan negara. Ketokohan Sheikh Abdullah Fahim dalam bidang ilmu falak juga amat terserlah apabila beliau dirujuk oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama bagi menentukan tarikh kemerdekaan negara pada tanggal 31 Ogos 1957.

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak diiringi oleh Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid; Pengerusi LEGASI, Dato' Dr. Jefridin Hj. Atan; Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa, UKM, Prof. Dato' ChM. Dr. Mohammad Kassim dan Pengarah, Institut Islam Hadhari, UKM, Prof. Dato' Dr. Fariza Md Sham, FASc.

Majlis yang sama turut melancarkan dua buah buku iaitu 'Sheikh Abdullah Fahim: Warisan Keilmuan, Astronomi dan Politik' merupakan hasil kajian penyelidikan Prof. Madya Dr. Emry Azziaty Rozali, Felo Kanan Bersekutu, Institut Islam Hadhari, UKM dan 'Qawamuddin: Pada Menerangkan Pendirian Agama' hasil karya Tuan Guru Haji Ahmad Hashimi dan ditashihkan oleh Sheikh Abdullah Fahim.

Majlis syarahan ini merupakan anjuran Institut Islam Hadhari, UKM, Pertubuhan Legasi Tun Abdullah Ahmad Badawi (LEGASI) dan Masjid Abdullah Fahim Bertam bersempena Bulan Kemerdekaan.

Syarahan telah disampaikan oleh Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof Haji Othman yang merupakan mantan Pengarah, Institut Islam Hadhari, UKM dan juga anak jati Kepala Batas. Syarahan ini disusuli dengan forum Sheikh Abdullah Fahim: Ketokohan dan Sumbangan Sheikh Abdullah Fahim dalam Peradaban Islam. Ahli panel terdiri daripada Dr. Khairil Husaini Bin Jamil, Pensyarah Kanan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Dr. Hisham Bin Sabri, Pengarah, Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah, Universiti Sains Islam Malaysia. Moderator adalah Prof. Madya Dr. Emry Azziaty Rozali, Felo Kanan Bersekutu, Institut Islam Hadhari, UKM.

WACANA DAN FORUM | Discourse and forum

Siti Asuha Said

HADHARI sentiasa terkehadapan dalam membincangkan isu semasa masyarakat dan negara. Beberapa siri Wacana dan Forum telah diadakan.



Bicara Merdeka: Sumbangan Sheikh Abdullah Fahim dalam Ilmu Astronomi

Pada 14 September 2023, HADHARI kerjasama bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan Persatuan Falak Syar'i Malaysia dan Pertubuhan Legasi Tun Abdullah Ahmad Badawi telah menganjurkan program Bicara Merdeka bertajuk Sumbangan

Sheikh Abdullah Fahim dalam Ilmu Astronomi. Program ini merupakan forum perkongsian ilmu bagi mengupas dan memberikan kefahaman mengenai sumbangan Sheikh Abdullah Fahim khususnya dalam konteks keilmuan dan astronomi. Ahli panel terdiri daripada Prof. Madya Dr. Emy Azziaty Rozali dan Dr. Mohd Hafiz Safia dari Universiti Kebangsaan Malaysia serta Encik Nor Azam bin Mat Nor dari Persatuan Falak Syar'i Malaysia.



Forum Hadhari 2/2023 "Madani dan Hadhari: Kerangka Pembinaan Peradaban Islam"



Forum Hadhari 2/2023 "Madani dan Hadhari: Kerangka Pembinaan Peradaban Islam" telah diadakan pada 16 Mei 2023. Ahli panel bagi forum ini terdiri daripada Prof. Dato' Dr. Fariza Md Sham, FASc, Pengarah HADHARI, Dato' Paduka Hj Ahmad Kasim, Perunding MADANI Institut Darul Ehsan (IDE) dan Tuan Zamri Zainal Abidin, Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). Moderator bagi forum ini adalah Dr. Abu Dardaa Mohamad (Timbalan Pengarah Pusat Islam UKM & Felo Bersekutu HADHARI).

Forum Hadhari 2/2023 "Madani dan Hadhari: Kerangka Pembinaan Peradaban Islam" telah diadakan pada 16 Mei 2023. Ahli panel bagi forum ini terdiri daripada Prof. Dato' Dr. Fariza Md Sham, FASc, Pengarah HADHARI, Dato' Paduka Hj Ahmad Kasim, Perunding MADANI Institut Darul Ehsan (IDE) dan Tuan Zamri Zainal Abidin, Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). Moderator bagi forum ini adalah Dr. Abu Dardaa Mohamad (Timbalan Pengarah Pusat Islam UKM & Felo Bersekutu HADHARI).



Wacana Hadhari 3/2023 "4 In 1 In Parenting"



Wacana Hadhari 3/2023 "4 in 1 in Parenting" telah diadakan pada 20 Julai 2023. Penceramah jemputan adalah Dr. Arif Nasar Bin Sulaiman (Timbalan Pengarah Pusat Kesihatan, UKM). Moderator adalah Dr. Abu Dardaa Mohamad (Timbalan Pengarah, Pusat Islam, UKM/ Felo Bersekutu, HADHARI).



Forum 1/2023 "Bencana Alam: Punca dan Solusi"

Forum Hadhari 1/2023 "Bencana Alam: Punca dan Solusi" telah diadakan pada 5 Januari 2023. Ahli panel bagi forum ini terdiri daripada Dr. Nor Shahidah Mohd Nazer (Pensyarah Kanan Geologi Kejuruteraan dan Mekanik Tanah, UKM) dan Dr. Khamarrul Azahari Razak, Pengarah *Disaster Preparedness and Prevention Centre (DPPC), Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIT), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Malaysia*. Moderator adalah En. Mohammad Ikhwan Ismail (Felo Penyelidik HADHARI).



Wacana 1/ 2023 "DNA: Keajaiban Ciptaan Allah"



Wacana 1/2023 "DNA: Keajaiban Ciptaan Allah" telah diadakan pada 9 Februari 2023. Wacana ini disampaikan oleh Prof. Dr. Latifah Amin (Felo Bersekutu HADHARI). Moderator adalah Ts. Dr. Farah Ayuni Mohd Hatta (Ahli Penyelidik & Felo HADHARI).



Wacana Hadhari 2/2023 "Aidiladha dan Manifestasi Pengorbanan Nabi Ibrahim a.s"



Wacana Hadhari 2/2023 "Aidiladha dan Manifestasi Pengorbanan Nabi Ibrahim a.s." telah diadakan pada 22 Jun 2023. Penceramah bagi wacana ini adalah Dr. Wan Nasrudin Bin Wan Abdullah (Felo Bersekutu HADHARI).



Moderator bagi wacana ini adalah Encik Mohammad Ikhwan Bin Ismail (Felo Penyelidik, HADHARI)



Forum Hadhari 3/2023 "Pengubahsuaian Genetik: Aspek Sainifik, Etika dan Hukum"

Forum Hadhari 3/2023 "Pengubahsuaian Genetik: Aspek Sainifik, Etika dan Hukum" telah diadakan pada 26 Julai 2023. Ahli panel bagi forum ini terdiri daripada Prof. Dr. Latifah Amin (Felo Penyelidik Utama, HADHARI), Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim (Felo Kanan Bersekutu, HADHARI) dan Prof. Madya Datin Dr. Nurina Anuar (Jabatan Kejuruteraan Kimia & Alam Bina, UKM). Moderator adalah Ts. Dr. Farah Ayuni Mohd Hatta (Felo Penyelidik, HADHARI).



Wacana Hadhari 4/2023 "Kegemilangan Islam Merentas Zaman"

Wacana 4/2023 "Kegemilangan Islam Merentas Zaman" telah diadakan pada 22 Ogos 2023. Wacana ini disampaikan oleh Prof. Ir. Dr. Ahmad Kamal Ariffin Mohd Ihsan (Pegawai Pusat Pengajaran & Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM). Moderator adalah Dr. Shamsul Azhar Yahya (Felo Penyelidik, HADHARI).



Wacana Hadhari 5/2023 "Muhammad the Ultimate Leader"

Wacana Hadhari 5/2023 "Muhammad the Ultimate Leader" telah diadakan pada 14 September 2023 bertempat di Bilik Majlis, UKM. Wacana ini dianjurkan oleh HADHARI dan kerjasama Institut Kefahaman Islam Malaysia serta Kursi Sheikh Abdullah Fahim. Penceramah bagi wacana ini adalah Dr Daud Abdul-Fatah Batchelor (Felo Pelawat, Institut Kefahaman Islam Malaysia).



Wacana Hadhari 6/2023 "Manusiawi Madani"

Wacana Hadhari 6/2023 "Manusiawi Madani" telah diadakan oleh HADHARI, UKM dengan kerjasama Kursi Sheikh Abdullah Fahim pada 25 Oktober 2023. Wacana ini telah disampaikan oleh Dr. Shamsul Azhar Yahya (Felo Penyelidik, HADHARI). Moderator adalah Dr. Muhammad Hilmi (Felo Penyelidik, HADHARI).



Wacana 7/2023 telah diadakan pada 16 November 2023 yang bertajuk "Masyarakat Madani: Penjelmaan Sebuah Idealisme Peradaban Bangsa". Wacana ini disampaikan oleh Prof Dr. Zaid Ahmad (Felo Penyelidik Utama, HADHARI). Moderator adalah Ts. Dr. Farah Ayuni Mohd Hatta (Felo Penyelidik, HADHARI).



Wacana Hadhari 8/2023 "Memanfaatkan Analitik Data Raya dalam Penjagaan Kesihatan"

Wacana 8/2023 "Memanfaatkan Analitik Data Raya dalam Penjagaan Kesihatan" telah diadakan pada 21 Disember 2023. Wacana ini disampaikan oleh Prof. Madya Ir. Dr. Nazrul Anuar Nayan (Timbalan Pengarah HADHARI/ Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina, UKM/ Felo Penyelidik Kanan, Institut Biologi Molekul Perubatan, UKM). Moderator adalah Dr. Norshariani Abd Rahman (Felo Penyelidik, HADHARI).



Norshariani Abd Rahman

Terdapat 2 Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani pada tahun 2023 antara UKM dan:

- **Imam Termizi International Scientific-Research Center, Uzbekistan**
- **Institut Dirosat Islamiyah Al-Amien (IDIA) Prenduan, Indonesia**

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UKM dan Imam Termizi International Scientific-Research Center, Uzbekistan

Pada 26 September 2023, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Institut Islam Hadhari telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan *Imam Termizi International Scientific Research Center*, Uzbekistan. MoU ini ditandatangani di Uzbekistan yang dihadiri oleh Pengarah HADHARI, Prof. Dato' Dr. Fariza Md Sham, FASc dan Felo Penyelidik, Ts. Dr. Farah Ayuni Mohd Hatta. Wakil daripada pihak *Imam Termizi International Scientific Research Center* dihadiri oleh Dr. Muzaffarkhon Joniev, Pengarah *Imam Termizi International Scientific-Research Center*. Kerjasama ini menyediakan platform bagi penyelidik, akademik dan pelajar dalam menjalankan penyelidikan, seminar serta penerbitan di peringkat antarabangsa secara bersama.



Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UKM dan Institut Dirosat Islamiyah Al-Amien Prenduan, Indonesia.

Pada 28 Februari 2023, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui HADHARI telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Institut Dirosat Islamiyah Al-Amien (IDIA) Prenduan, Indonesia. MoU ini ditandatangani oleh Naib Canselor UKM, Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman dan saksi oleh Pengarah HADHARI, Prof. Dato' Dr. Fariza Md. Sham, FASc. Manakala di pihak IDIA ditandatangani oleh Dr. KH. Ahmad Fauzi Tidjani, MA, Rektor IDIA. Semoga hubungan antara kedua-dua pihak ini berpanjangan dan diberkati serta dapat melonjakkan pencapaian bagi kedua-dua pihak.



KHIDMAT MASYARAKAT

Siti Maheran Ismail @ Ibrahim

Program Pengukuhan Penghargaan Kendiri Anak Asnaf Di Negeri Pahang



Kerjasama HADHARI dengan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) diperkukuhkan lagi dengan penganjuran bersama Program Pengukuhan Penghargaan Kendiri Anak Asnaf di Negeri Pahang. Program ini telah berlangsung pada 08 sehingga 09 Disember 2023, bertempat di Akademi YASA MUIP, Kompleks Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang. Ia juga dianjurkan dengan kerjasama pensyarah dan pelajar Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UniPSAS) yang turut dilantik sebagai penceramah serta fasilitator. Tujuan program ini diadakan adalah untuk membantu anak-anak asnaf di Pahang memantapkan penghargaan kendiri mereka supaya mereka dapat menjadi generasi kedua yang berdikari dan memantapkan jaringan HADHARI dengan komuniti setempat. Seramai 31 orang peserta yang terdiri daripada anak asnaf (berumur 13 sehingga 17 tahun) telah terlibat dalam program ini.

Aktiviti bagi program ini adalah sebahagian daripada Modul Pendidikan Kerohanian dan Penghargaan Kendiri Anak-anak Asnaf Negeri Pahang yang telah dibangunkan oleh Projek Penyelidikan Pembinaan Modul Bimbingan Pendidikan Kerohanian dan Penghargaan Kendiri (*Self-esteem*) Bagi Anak-anak Asnaf Negeri Pahang (RH-2021-004) yang diketuai oleh Dr. Ahmad Irdha Mokhtar. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah Taaruf, Keyakinan Diri, Nilai Diri, Eksplorasi dan Impian Diri. Sekalung penghargaan juga kepada staf Akademi YASA-MUIP yang banyak membantu bagi melancarkan perjalanan program ini.



Program Pengaturcaraan Robotik Al-Jazari Hadhari

Bersempena dengan cuti sekolah, Institut Islam Hadhari telah mengadakan Program Pengaturcaraan Robotik Al-Jazari @ Hadhari pada 30 dan 31 Mei 2023. Seramai 22 orang peserta yang terdiri daripada pelajar sekolah/universiti dan anak-anak asnaf telah terlibat dalam program ini. Program ini telah dikendalikan oleh Prof. Madya Ir. Dr. Nazrul Anuar Nayan, Timbalan Pengarah HADHARI / Pensyarah Kanan di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, UKM dan dibantu oleh dua orang fasilitator iaitu Encik Umar Muslim Ahmad Kamal dan Cik Nur Athirah Zul serta staf HADHARI yang bertindak sebagai urus setia program. Program bermula dengan modul yang melatih pemikiran komputasional, pengaturcaraan mblok untuk permainan komputer, pengoperasian mikropengawal Arduino dan diteruskan dengan pengaturcaraan mBot2 robot dan diakhiri dengan pertandingan pada hari kedua. Robot dan peralatan yang digunakan dalam program ini adalah sumbangan daripada Yayasan Bank Rakyat.



HADHARI SIHAT

Muhammad Aqil Syahmi Shahrol Azlan & Muhammad Haiqal Hassan

Perjumpaan Kakitangan dan Program Riadah Institut Islam Hadhari

Perjumpaan Kakitangan dan Program Riadah HADHARI telah diadakan pada 8 Ogos 2023 yang bertempat di Taman Botani Putrajaya dan diakhiri dengan sesi sambutan hari kelahiran beberapa kakitangan HADHARI. Majlis diteruskan dengan sesi penghargaan kepada Puan Toshpulatova Zarnigor, Guru Bahasa Melayu dari *Tashkent State University of Oriental Studies (TSUOS)*, Uzbekistan yang telah menghadiri kursus Bahasa Melayu selama 2 minggu di Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA) UKM.



Program Riadah Mendaki Bukit Melati, Nilai, Negeri Sembilan

HADHARI dengan kerjasama Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) telah berjaya mengadakan Program Riadah Mendaki Bukit Melati, Nilai, Negeri Sembilan. Program riadah ini telah diadakan pada 12 Januari 2023. Tujuan program ini adalah bagi membudayakan amalan gaya hidup sihat serta meningkatkan kecergasan mental dan fizikal dikalangan staf dan pegawai HADHARI. Taklimat ringkas keselamatan telah disampaikan oleh Prof. Madya Ir. Dr. Nazrul Anuar Nayan, selaku penasihat bagi program ini. Bersempena dengan program ini juga, kami meraikan hari kelahiran Prof. Dato' Dr. Fariza Md Sham, FASc, Pengarah HADHARI dan Ts. Dr. Farah Ayuni Mohd Hatta, Felo Penyelidik Hakiki HADHARI.



PENGHARGAAN/ Appreciation
Norshariani Abd Rahman

Sekalung Tahniiah

**Anugerah Perkhidmatan
Cemerlang (APC)**

Tahniah diucapkan kepada
Ts. Dr. Farah Ayuni Mohd Hatta
atas penerimaan Anugerah Perkhidmatan
Cemerlang bagi pencapaian pada tahun 2023



Anugerah Staf Mithali



Dr. Nurul Hafizah Mohd Nor
(Januari sehingga Mac 2023)



Puan Noor Hayati Ahmad Rasol
(April sehingga Jun 2023)



Dr. Norshariani Abd Rahman
(Julai sehingga Disember 2023)

Sekalung Penghargaan dan Terima Kasih



**Prof. Dr. Abdul Ghafar
Ismail**
yang telah berkhidmat sebagai
Penyandang Kursi Sheikh
Abdullah Fahim bermula 01
September 2022 sehingga 31
Ogos 2023.



Cik Zubaidah Mohd Nasir
yang telah berkhidmat sebagai
Felo Penyelidik DS45, Institut Islam
Hadhari, UKM, 1 November 2016
sehingga 8 September 2023.



Dr. Shamsul Azhar Yahya
yang telah berkhidmat sebagai
Felo Penyelidik DS51, Institut
Islam Hadhari, UKM, 16 Mac
2009 sehingga 1 November
2023.



**Encik Mohd Nor Adzhar
Bin Adnan**
yang telah berkhidmat sebagai
Pembantu Tadbir (P/O) N19, Institut
Islam Hadhari, UKM, 19 September
2016 sehingga 20 November 2023.

Selamat Datang

Institut Islam Hadhari mengucapkan selamat bertugas kepada:



Prof. Dr. Zaid Ahmad
Felo Penyelidik Utama
1 September 2023



Cik Jasmin Asyikin Mohamad Samin
Pembantu Tadbir (P/O) N19
21 November 2023



HADHARI BULETIN

INSTITUT ISLAM HADHARI / INSTITUTE OF ISLAM HADHARI

www.ukm.my/hadhari 03-8921 8988 [in](#) [f](#) [@](#) Institut Islam Hadhari UKM